
UPM, SMACH Venture dan Wageningen University & Research jalin kerjasama strategik, pacu lonjakan pertanian pintar di Cameron Highlands

Oleh: Noor Eszereen Juferi

CAMERON HIGHLANDS, 11 Feb - Universiti Putra Malaysia (UPM) melakar pencapaian penting dalam pembangunan sektor agromakanan negara menerusi jalinan kerjasama strategik bersama Wageningen University & Research (WUR), Belanda, dan SMACH Venture Sdn. Bhd., memperkukuh usaha ke arah pertanian pintar berimpak tinggi di Cameron Highlands, Pahang.

Majlis pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Letter of Intent (LOI) tersebut disaksikan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah, mencerminkan sokongan padu institusi diraja terhadap agenda pemodenan pertanian negara.

Kerjasama ini memberi tumpuan kepada transformasi penyelidikan akademik kepada aplikasi lapangan yang praktikal dan berskala besar selari dengan aspirasi UPM untuk memindahkan teknologi daripada makmal terus ke ladang.

Agenda pembangunan pertanian pintar ini turut mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Yayasan Pahang Skills Academy (YPSA).

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM, Profesor Dr. Zamberi Sekawi berkata, inisiatif tersebut merupakan pelaburan strategik jangka panjang bagi menyokong agenda keselamatan dan keterjaminan makanan negara.

"Inisiatif ini dilihat sejajar dengan nic universiti yang meletakkan bidang pertanian sebagai antara teras utama pembangunan universiti malah melibatkan pembentukan minda graduan dan komuniti tani agar lebih berdaya saing, berjiwa usahawan dan celik teknologi," katanya.

Selain itu, melalui pendekatan ini Cameron Highlands dijadikan perintis kepada model ekosistem pertanian pintar yang mampan di Malaysia serta ekosistem kerjasama ini mampu mempercepatkan proses inovasi dari peringkat penyelidikan ke pelaksanaan lapangan, meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani tempatan.

Antara fokus utama kerjasama ialah adaptasi teknologi pertanian pintar bertaraf dunia hasil kepakaran WUR, pembangunan konsep Living Lab melalui SMACH Agropark sebagai tapak ujian sebenar inovasi, serta pembentukan generasi agripreneur moden yang mahir dalam data, Internet Pelbagai Benda (IoT) dan amalan kelestarian alam.

Timbalan Pengarah, Ts. Dr. Ahmad Suhaizi Mat Su, berkata agenda pembangunan pertanian pintar ini turut mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPASA) dan Yayasan Pahang Skills Academy (YPSA).

“Gabungan kepakaran antarabangsa, institusi akademik dan industri tempatan ini berpotensi meletakkan Pahang sebagai hab pertanian pintar yang mampan serta boleh diskalakan ke peringkat global,” katanya.